



**PROF. DR. ABDUL HALIM BIN ABDUL GAFOR**  
**TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4

Tarikh : 1 Disember 2025

**PEKELILING AKADEMIK BIL. 42/2025**

**Semua Dekan/Pengarah**  
Fakulti/Institut/Pusat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) DAN SEBARANG BENTUK PENILAIAN  
DIADAKAN SECARA DALAM TALIAN ATAU HIBRID SEMPENA HARI KRISMAS MULAI 22 HINGGA  
26 DISEMBER 2025**

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas dan perayaan Hari Krismas pada 25 Disember 2025 adalah berkaitan.

2. Sehubungan dengan itu, Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah bersetuju bahawa aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) serta sebarang bentuk penilaian boleh dilaksanakan secara dalam talian atau hibrid pada 22 – 26 Disember 2025, tertakluk kepada kelulusan Fakulti/Institut/Pusat (F/I/P) masing-masing.

3. Bagi para pelajar yang menghadapi kesukaran untuk menghadiri kuliah selepas tempoh tersebut, adalah disarankan agar dapat berbincang dengan pensyarah kursus masing-masing bagi menentukan kaedah pelaksanaan yang bersesuaian.

4. Pihak Universiti turut mengingatkan para pelajar supaya sentiasa berhati-hati ketika pulang ke kampung halaman. Semoga semua selamat tiba di destinasi yang dituju dan kembali ke kampus dengan selamat.

Kerjasama dan keprihatinan semua berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**PEJABAT NAIB CANSOLOR**


Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-89215016 E-mel: [tncheaa@ukm.edu.my](mailto:tncheaa@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/cansolori](http://www.ukm.my/cansolori)

**ILMU, MUTU DAN BUDI**

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)

Sekian.

Yang benar,



**PROFESOR DR. ABDUL HALIM BIN ABDUL GAFOR**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

- s.k.:
- Naib Canselor, UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
  - Pendaftar, UKM
  - Penasihat Undang-Undang, UKM
  - Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM), UKM
  - Pengarah, Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM), UKM
  - Timbalan Pengarah (Governans Akademik), Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM), UKM
  - Presiden Interim, Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)

**PEJABAT NAIB CANSELOR**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-89215016 E-mel: [tncheaa@ukm.edu.my](mailto:tncheaa@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/canselori](http://www.ukm.my/canselori)

**ILMU, MUTU DAN BUDI**

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)